



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 25/2009**

**Pembahagian Harta Pusaka Si Mati Yang Bukan Beragama Islam
Dan Meninggal Dunia Tanpa Wasiat**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 25/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 25/2009

**Pembahagian Harta Pusaka Si Mati Yang Bukan Beragama Islam
Dan Meninggal Dunia Tanpa Wasiat**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pentadbir Tanah mengenai peruntukan-peruntukan dalam Akta Pembahagian 1958 (Akta 300) berkaitan dengan pembahagian harta pusaka si mati yang bukan beragama Islam dan meninggal dunia tanpa wasiat.

2. Perenggan 6(1)(a) hingga (g) akta berkenaan telah menyatakan dengan jelas bahagian-bahagian yang berhak diterima oleh waris-waris si mati. Walau bagaimanapun, dalam perenggan 6(1)(h) dan (i) terdapat sedikit kekeliruan di mana dinyatakan bahawa bahagian zuriat (*issue*) dan saudara-saudara si mati hendaklah dipegang secara amanah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7.

3. Terdapat anggapan sesetengah pihak bahawa kehendak seksyen ini menghalang peletakan hak bahagian zuriat (*issue*) dan saudara-saudara secara mutlak. Sebaliknya Pentadbir Tanah bolehlah mengeluarkan perintah pemindahan semua bahagian zuriat (*issue*) dan saudara lain itu kepada pemegang atau pemegang-pemegang amanah bagi pihak mereka.

4. Diakui bahawa dalam pentadbiran harta pusaka si mati yang tidak berwasiat, harta tak alihnya perlu diletakkan hak kepada wakil dirinya di atas dasar "amanah untuk jualan" (*trust for sale*). Kaedah ini bertujuan untuk meringkaskan pembahagian harta pusaka si mati kepada mereka yang berhak dan membolehkan harta pusaka itu dijual serta hasil jualan itu dibahagi-bahagikan. Sungguhpun demikian, bahagian waris-waris yang berhak juga boleh diturun milik terus. Oleh itu peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 7, Akta Pembahagian 1958 hendaklah difahamkan dengan pertimbangan kepada maksud kaedah "amanah untuk jualan".

5. Perlu juga diperhatikan bahawa peruntukan-peruntukan seksyen 7, Akta Pembahagian 1958 tidak menghuraikan cara untuk menentukan bahagian-bahagian mereka yang berhak tetapi ianya menyentuh perkara mewujudkan amanah untuk anak dan saudara-saudara lain yang telah meningkat umur dewasa atau berkahwin di bawah umur tersebut. Seksyen 7 Akta tersebut juga tidak menyebut bahawa mereka yang berhak tidak boleh memegang bahagian mereka. Pentadbir Tanah bolehlah menggunakan budi bicaranya dalam menentukan cara pembahagian kepada mereka yang berhak itu.

6. Pentadbir Tanah adalah dengan ini dinasihatkan bahawa seksyen 7, Akta Pembahagian 1958 hendaklah ditafsirkan seperti yang dibincangkan di perenggan 4 di atas.

7. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 20/1977 dengan ini dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009